Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



# Gambar2 sidang Pemuda—Wanita UMNO



AGAKNYA Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sedang meramalkan undi yang akan diperolehi oleh tokoh-tokoh yang bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur, semalam.

Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin (tengah) tenang sahaja melihatnya. Turut bersama mereka Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat.



GAMBAR ATAS: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah diiringi oleh Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani dan Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin setibanya di pekarangan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk merasmikan perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia, pagi semalam.

GAMBAR KIRI: Apakah agaknya yang dibisikkan oleh Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin kepada Naib Ketuanya, Datuk Mokhtar Hashim (kanan). Mungkin mereka berbincang sesuatu mengenai pemilihan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.



DATUK Musa Hitam dan Datin Paduka Rafidah Aziz begitu tertarik dengan risalah yang diedarkan kepada para perwakilan di upacara perasmian perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia.











GAMBAR ATAS: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sedang menyampaikan ucapan perasmian perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pagi semalam.

Turut berada di atas pentas dari kiri: Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, Datin Dr. Siti Hasmah (isteri Timbalan Perdana Menteri), Senator Datuk Haji Mustapha Jabar, Haji Suhaimi dan Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud.

GAMBAR KIRI: Sebahagian dari perwakilan Wanita sedang mendengar ucapan dasar ketua mereka Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, di awal perhimpunan agung pergerakan itu. — Gambar-gambar Berita Harian oleh Mohamad Yusof dan Khalid Redza.